

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* Karya *Abdul Latip Talib*
- (ii) *Jendela Menghadap Jalan Raya* Karya *Ruhaini Matdarin*
- (iii) *Pantai Kasih* Karya *Azmah Nordin*
- (iv) *Di Sebalik Dinara* Karya *Dayang Noor*
- (v) *Tirani* Karya *Beb Sabariah*
- (vi) *Songket Berbenang Emas* Karya *Khairuddin Ayip*
- (vii) *Bimasakti Menari* Karya *Sri Rahayu Mohd Yusop*
- (viii) *Silir Daksina* karya *Nizar Parman*

SOALAN PERCUBAAN NEGERI JOHOR 1

- a) Perkembangan cerita sesebuah novel bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh watak utama dan watak sampingannya. Jelaskan **dua** peristiwa yang melibatkan watak utama daripada sebuah novel yang telah anda kaji. [7 markah]
- b) Berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari, huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI JOHOR 2

- a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan perwatakan watak utama novel tersebut. [7 markah]
- b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan perbezaan latar masyarakat yang dikemukakan oleh pengarang. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI KEDAH

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang mengandungi unsur saspens yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI KELANTAN

- (a) Setiap novel mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, jelaskan sebab-sebab novel tersebut dianggap istimewa dan boleh menarik minat para pembaca. [7 markah]
- (b) Tulis **sinopsis** sebuah novel yang telah anda pelajari. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI SABAH – KOTA BELUD

- (a) Konflik merupakan satu daripada teknik penceritaan yang dapat mengembangkan sesebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** konflik yang dihadapi oleh watak utamanya. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, kemukakan **satu** peristiwa yang dapat menggambarkan nilai tanggungjawab yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI MELAKA

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, bincangkan dua latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Bandingkan **dua** buah novel yang anda kaji, bandingkan tema kedua-dua novel tersebut. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN MRSM

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Dalam sesebuah novel, terdapat tindakan watak yang tidak wajar dicontohi. Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari huraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi. Berikan alasan anda. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI SEMBILAN

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan perwatakan watak utama yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, terdapat beberapa persoalan yang dipaparkan oleh kedua-dua pengarang. Huraikan persoalan yang menunjukkan persamaan yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI PAHANG

- (a) Terdapat pelbagai peristiwa yang memaparkan konflik dalam sesebuah novel terutama pada bahagian perkembangan binaan plot. Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, kelaskan konflik antara watak yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan persamaan watak utama yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI PERAK – PPD KINTA

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** contoh nilai tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel, huraikan **satu** peristiwa tentang kepincangan masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut yang telah anda pelajari [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI PERLIS

- (a) Dalam novel yang dikaji, bahagian peleraian cerita diakhiri dengan kejayaan. Berdasarkan novel yang anda kaji, jelaskan **dua** peristiwa yang membuktikan kejayaan tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** persoalan kegigihan watak utama yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI SARAWAK - BELAGA

- (a) Permulaan yang menarik dalam sesebuah novel akan mempengaruhi pembaca untuk meneruskan pembacaan hingga akhir. Huraikan pernyataan tersebut berdasarkan novel yang anda kaji. [7 markah]
- (b) Setiap peristiwa dalam novel berlaku dalam masa tertentu. Berdasarkan salah **satu** novel yang anda pelajari, jelaskan **tiga** latar masa yang tertentu. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH

- (a) Watak utama merupakan watak yang menggerakkan keseluruhan cerita. Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan perwatakan watak utama yang menonjol. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** latar tempat yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI PULAU PINANG

- (a) Watak sampingan turut memainkan peranan penting dalam sesebuah novel. Berdasarkan sebuah daripada novel di bawah, huraikan watak dan perwatakan watak sampingan yang telah ditetapkan bagi novel tersebut.

NOVEL	WATAK SAMPINGAN
(i) Leftenan Adnan Wira Bangsa	Pak Saidi
(ii) Di Sebalik Dinara	Karl
(iii) Jendela Menghadap Jalan	Danel
(iv) Pantai Kasih	Doktor Sadiz
(v) Tirani	Raidah
(vi) Songket Berbenang Emas	Embong
(vii) Bimasakti Menari	Muhammad Taufik
(viii) Silir Daksina	See Hwa / Ai Ling

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang dapat dikaitkan dengan kesepakatan melakukan sesuatu pekerjaan.

[8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI SELANGOR – SMK SIJANGKANG JAYA

- (a) Sesebuah novel banyak memaparkan pelbagai peristiwa. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang boleh dijadikan teladan dan kemukakan alasan anda.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** perwatakan watak utama yang anda fikir sesuai untuk dicontohi oleh pembaca daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

SOALAN PERCUBAAN NEGERI TERENGGANU

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** nilai tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Watak utama dalam sesebuah novel sering menghadapi cabaran dalam hidupnya. Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada **satu** peristiwa bagi setiap novel.

[8 markah]

SOALAN PERCUBAAN YAYASAN ISLAM KELANTAN

- (a) Pengarang sering menimbulkan konflik kepada watak utama dalam sesebuah novel untuk menghidupkan jalan ceritanya. Berdasarkan novel yang anda pelajari, huraikan **dua** konflik watak utama dan jelaskan bagaimana watak utama menyelesaikan konflik yang dialami itu.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda telah pelajari, huraikan **satu** latar masa yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]